

Headline	Sokongan moral buat Siti Nuraisyah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	Norrasiyah Arshad	AdValue	RM 16,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,018



Sokongan moral buat Siti Nuraisyah

» PM, Media
Prima hulur
sumbangan
ringankan beban

Oleh Norrasiyah Arshad

Norrasiyah@bh.com.my

■ Klang

Mangsa kemalangan, Siti Nuraisyah Sahrin, 13, yang putus kedua-dua kaki akibat digilis lori, Isnin lalu, menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM13,000 semalam.

Daripada jumlah itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menghulurkan sumbangan peribadi berjumlah RM10,000 melalui Pengurus Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, manakala baki RM3,000 lagi hasil sumbangan Tabung Kemanusiaan Media Prima Berhad-NSTP yang disampaikan oleh Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman.

Sumbang kaki palsu

Abdul Azeez berkata, pihaknya juga akan menyumbangkan sepasang kaki palsu kepada Siti Nuraisyah yang akan diberikan kepadanya selepas dia sudah boleh berjalan.

"Kita bersama UMNO Bahagian Klang dan Sungai Besar, akan terus memantau keadaannya sehingga dia pulih seperti sedia kala."

"Ini antara sokongan moral yang diberikan supaya Siti Nuraisyah mampu menerima kenyataan bahawa dia sudah kehilangan kaki dan mampu meneruskan kehidupan seperti orang lain."

ngan kaki dan mampu meneruskan kehidupan seperti orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa yang juga pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagian Terap, di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), di sini, semalam.

Abdul Azeez yang juga Pengurusan Lembaga Tabung Haji berkata, Siti Nuraisyah juga turut ditaja menunaikan umrah bersama ibu, Maimunah Md Razali, 48, dan bapa tiri, Roslan Sardi, 40, selepas sihat nanti.

Turut menghulurkan bantuan adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berjanji memberikan bantuan kerusi roda dalam masa terdekat bagi memudahkan Siti Nuraisyah meneruskan rutin hariannya.

Terus salur bantuan

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata pihaknya akan terus menyalurkan bantuan diperlukan keluarga itu sehingga Siti Nuraisyah kembali bersemasngat, yakin dan pulih sepenuhnya.

"Sesi kaunseling akan diberikan kepada ahli keluarganya. Kita mahu keluarga rapat sentiasa memberi perhatian kepada Siti

Nuraisyah," katanya yang hadir melawat bersama Timbalan Menteri Perusahaan Perladaan dan Komoditi, Datuk Nooriah Kasnon.

Sementara itu, Badrulhisham berkata, wang yang disampaikan semalam adalah sumbangan permulaan dan akan terus menghulurkan bantuan kepada Siti Nuraisyah pada masa hadapan.

"Ini adalah sumbangan awal daripada Tabung Kemanusiaan Media Prima Berhad-NSTP. Kami akan terus menghulurkan bantuan mengikut keperluan Siti Nuraisyah," katanya.

“

Ini antara sokongan moral yang diberikan supaya Siti Nuraisyah mampu menerima kenyataan bahawa dia sudah kehilangan kaki dan mampu meneruskan kehidupan seperti orang lain”

Abdul Azeez Abdul Rahim,
Pengurus Biro
Kebajikan UMNO

Headline	Sokongan moral buat Siti Nuraisyah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 16,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,018



Abdul Azeez (gambar kiri) dan Badrulhisham (gambar kanan) ketika melawat dan menyerahkan sumbangan kepada Siti Nuraisyah di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, semalam.